# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

## PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH

## KALI KE 36

**25 JULAI 2020 (SABTU)**

MASA

**10.00 PAGI**

TEMPAT

**AUDITORIUM SEKOLAH SULTAN ALAM SHAH PUTRAJAYA**

# MESYUARAT AGUNG PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH KALI KE 36

TARIKH : **25HB JULAI 2020 (SABTU)**

MASA : **10.00 PAGI**

TEMPAT : **AUDITORIUM SAS Putrajaya**

**AGENDA MESYUARAT:**

1. UCAPAN PRESIDEN
2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE 35
3. MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN TAHUNAN ASAS 2019
4. MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 YANG TELAH DIAUDIT.
5. MEMBUAT PERUNTUKAN DAN MELUPUSKAN BAKI HUTANG RAGU SEBANYAK RM 87,449.71
6. PERLANTIKAN 4 ORANG PENGAMANAH (FASAL 19, PERLEMBAGAAN ASAS)
7. MEMBINCANGKAN USUL BERTULIS JIKA ADA
8. UCAPAN PENANGGUHAN

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH

**KALI KE 35**

# MINIT MESYUARAT AGUNG KE-35 TAHUN 2019
# PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)

---

**Tarikh : 27 Julai 2019 (Sabtu)**
**Masa : 2:30 ptg**
**Tempat : Auditorium SAS, Putrajaya**

---

**Ahli yang hadir:**

Senarai nama ahli yang hadir adalah seperti di ***Lampiran A***.

**Agenda 1:**
**Ucapan Presiden**

1.1 Dato Emran Kadir (005) sebagai Presiden ASAS mempengerusikan mesyuarat hari ini seperti biasanya ,dan dimaklumkan oleh Engku Nasir, SUK (580) bahawa kuorom untuk menjalankan mesyuarat agung telah dicapai pada jam 2.50 ptg dengan kehadiran 35 ahli, kehadiran penuh semasa pemilihan seramai 43 orang ahli.

1.2 Dato Presiden mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli ASAS yang hadir pada mesyuarat agung ASAS ke 35 ptg ini dengan ramai juga ahli-ahli yang ada bersama-sama di sini dalam aktiviti OBW tahun 2019. Ucapan penghargaan kepada Tan Sri Samsudin yang hadir dan bersetuju menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa Pemilihan AJK ASAS yang akan ada pemilihan jawatan AJK pada petang ini.

1.3 Dato Presiden terus memberitahu ahli-ahli yang hadir tentang aktiviti ASAS pada tahun 2018/19 seperti dilaporan yang akan dibentang oleh SUK nanti. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan berjalan dengan baik dengan sambutan yang menggalakkan dari ahli-ahli ASAS.

1.4 Dato Presiden juga memberitahu beliau akan melepaskan jawatan Presiden Asas dan akan diambil alih oleh Sdr Ghazali Bujang yang telah terlibat dengan ASAS semenjak penubuhan ASAS lagi.

**Agenda 2:**

**Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ASAS ke 34**

2.1 Engku Nasir, Setiausaha Kehormat membentangkan Minit Mesyuarat Agung ASAS Ke-34 yang telah diadakan pada 5 Mei 2018 di Auditorium, Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya untuk disahkan. Minit mesyuarat itu seperti dilaporkan di dalam buku laporan dari ms 1 ke ms 6 dan diikuti muka surat kehadiran ahli-ahli

2.2 Sdr Ahmad Kadim B Abd Majid (656) mencadangkan minit mesyuarat disahkan & cadangan tersebut disokong oleh Mohamad Nazir (567).

Mesyuarat dengan sebulat suara menerima cadangan tersebut.

**Agenda 3:**
**Membentang dan menerima Laporan Tahunan 2018/19 ASAS**

3.1 Engku Nasir, Setiausaha Kehormat membentangkan laporan tahunan ASAS 2018 untuk diterima oleh mesyuarat. Laporan aktiviti itu seperti dilaporkan di dalam buku laporan muka surat 9 ke 24 (termasuk laporan biro-biro yang diserta bersama). Laporan bermula dengan senarai AJK ASAS sesi 2018/19 dan diikuti laporan mesyuarat AJK sesi 2018, diikuti dengan laporan biro-biro yang dimulai dengan biro Kebajikan, biro Sukan, biro Sekolah, biro Sosial, biro Keusahawan dan biro pengurusan.

3.2 Sdr Ahmad Kadim (656) bertanyakan kehadiran AJK dalam mesyuarat AJK dimana dilihat ada AJK yang tidak hadir secara berterusan.

Engku Nasir SUK menerangkan ada peraturan perlembagaan ASAS yang menyatakan jika AJK tidak hadir 3 kali bertutur-turut tanpa memberitahu dan tanpa sebab-sebab, AJK itu boleh diminta mengundurkan diri. Tetapi dalam kes 2 AJK yang tidak dapat hadir beberapa kali itu, mereka memberitahu sebab sakit dan berada diluar negara atas tugas rasmi, jadi tiada tindakan perlu diambil.

3.3 Dato Johar (004) bertanyakan tiada aktiviti Kelab Golf ASAS dilaporkan dalam laporan aktiviti sukan ASAS.

Dato Emran Presiden memberitahu mungkin tiada laporan sukan-sukan tertentu diterima oleh biro sukan dan beliau berharap Ketua Biro Sukan yang baru nanti dapat melaporkan semua aktiviti sukan ASAS termasuk aktiviti golf dan bowling.

3.4 Dato Halipah Esa (816) bertanyakan status senarai usahawan ASAS laporan yang dilaporkan oleh Biro Keusahawan.

Sdr Ariff AJK Biro Usahawan memberitau usaha membina senarai akan diteruskan lagi tahun ini walaupun senarai usahawan ASAS belum lengkap.

3.5 Sdr Roslan Rosli (716) mencadangkan laporan aktiviti ASAS 2018 diterima dan ianya disokong oleh Sdr Shamsul Amri (1981).

Mesyuarat dengan sebulat suara menerima cadangan tersebut.

**Agenda 4:**
**Membentang, menerima dan meluluskan Penyata Kewangan ASAS 2018 yang telah diaudit**

4.1 Disebabkan keuzuran Ahmad Mutaza (1000) Bendahari Asas, sdr Kamaruzaman Ramlee (1122) selaku Penolong Bendahari membentangkan Penyata Kewangan ASAS bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018 yang telah diaudit bagi pihak Asas, seperti dilaporkan di dalam ms 25 ke 34 dalam buku laporan. Laporan penyata kewangan perlu dilihat bersama nota-nota yang juga dilampirkan bersama.

4.2 Pertanyaan dari Prof Madya Dr Nazam Dzolkarnaini (819) yg dibaca oleh Dr Syariz Izri Sehat (2893) : Merujuk kepada Nota 3 Penghutang oleh bekas Setiausaha Kerja ASAS, Razzi Shahrizan:

1. Mengapakah tiadanya pendedahan lanjut (disclosure) dalam Nota 3 tentang terma-terma, tatacara bayaran balik dan lain-lain maklumat penting berkenaan penghutang? Nilai penghutang tersebut adalah signifikan, kira-kira 41% daripada jumlah penghutang dan 40% daripada jumlah aset semasa.

2. Apakah langkah-langkah yang diambil dalam hal kawalan dalaman dan tadbir urus untuk memastikan kes penghutang tersebut tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan.

4.3 Juga Sdr Mohd Nazam (819) bertanyakan juga tentang nota 3 yg menyatakan tiada nota detail penghutang dan apakah langkah kawalan yg telah diambil bagi mengelakkan perkara ini berulang.

Menjawab 2 pertanyaan di atas, Dato Presiden memberitahu kes penyelewengan oleh bekas Setiausaha kerja ASAS berlaku kerana ASAS terlalu percayakan beliau, dan pada tahun 2018 kes itu terbongkar sejumlah RM 395,120.54 didapati telah diselewengkan. Nilai itu telah dituntut dari bekas Setiausaha Kerja itu dan kes telah dilaporkan ke pihak polis yang menasihatkan ASAS membuat tuntutan sivil ke Mahkamah. Pihak lawyer ASAS telah menfailkan kes ini ke mahkamah dan akan hantar writ saman ASAS.

Tentang langkah kawalan yg telah diambil ialah membuat laporan wang masuk dan wang keluar bulanan berdasarkan bank statement yg didapati dari bank. ASAS juga telah libatkan penelitian oleh Juru Audit Dalaman ASAS yg telah memeriksa akaun bulanan ASAS yang melibatkan kutipan hasil sewa kedai dan perbelanjaan projek-projek.

4.3 Tan Sri Samsudin (425) juga berkongsi hal yang sama juga berlaku di KoASAS dimana tiada bank statement akaun koperasi diberi sehingaa koperasi terpaksa hubungi bank untuk mendapatkannya.

4.4 Mohd Farid Noor (1127) mencadangkan semua bayaran dan wang masuk ke ASAS dibuat secara “online transaction” bagi mengelakkan apa-apa potensi penyelewangan.

Dato Emran bersetuju dengan cadangan tersebut dan berharap AJK baru ASAS akan dapat melaksanakan.

4.5 Sdr Roslan Rosli (716) mencadangkan penglibatan yg lebih oleh auditor ASAS bagi meneliti akaun kewangan bulan ASAS.

Dato Emran bersetuju dengan cadangan tersebut dan brharap AJK baru ASAS dapat melaksanakan jika tidak secara bulanan, bolehlah setiap 3 bulan sekali.

4.6 Sdr Ahmad Kadim (656) bertanyakan mengenai nota 3 di mana hutang KoAsas naik dari RM 160,832 tahun 2017 ke RM 340,832 tahun 2018, iaitu pertambahan Rm 180,000.

Dato Emran menjawab jumlah Rm 180,000 ialah pertolongan ASAS ke KoAsas pada tahun 2018 dalam menyelesaikan tuntutan hutang Suruhanjaya Koperasi M'sia (SKM) dalam menyelesaikan hutang tertunggak bangunan KoAsas di Putrajaya kepada SKM yg berjumlah Rm 240,000. Wang RM 180,000 itu adalah pertolongan ASAS ke KoAsas yg dipinjamkan oleh beberapa ahli ASAS yg prihatin untuk penyelesaian masalah KoAsas. Ada perjanjian antara ASAS dan KoAsas di mana diakhirnya nanti, ASAS akan mengambil alih bangunan KoAsas di Putrajaya ini.

4.7 Jamaludin (900) bertanyakan tentang nota 2, 5 dan 9 tentang deposit penyewa Rm 57,000 tidak kelihatan di dalam penyata bank. Juga mengenai nota 20 di mana faedah pinjaman Bank Muamalat naik dari RM 62,193 ke RM 103,068.

Dato Emran menjawab itu yang berlaku dimana deposit penyewa yang sepatutnya dikutip dan diasingkan tetapi telah digunakan sebagai perbelanjaan. Untuk tahun 2019 ini, wang deposit telah diasingkan supaya tidak digunakan.

Mengenai kenaikan faedah pinjaman bagi tahun 2019, ia memang berlaku kerana sebahagian pinjaman bangunan ASAS Putrajaya di Bank Muamalat telah tidak diselesaikan oleh bekas Setiausaha Kerja dan telah dituntut dalam kes saman mahkamah ke atas beliau.

4.8 Mazlan (921) mencadangkan agar penyata kewangan ASAS bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang telah diaudit, diterima dan diluluskan oleh mesyuarat. Cadangan disokong oleh Jamaludin (900).

Mesyuarat dengan sebulat suara menerima cadangan tersebut.

**Agenda 5:**
**Pemilihan Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Sesi 2019-2021.**

5.1 Tan Sri Samsudin Hitam (425) selaku Pengerusi JK Pemilihan ASAS 2019-2021 mengumumkan pemenang-pemenang tanpa bertanding bagi Jawatan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Presiden | Sdr Ghazali Bujang (008) |
| Timbalan Presiden | Dato Rostam Affendi (696) |
| Naib Presiden | Roslan Rosli (716) dan Dr Shariz Izri Sehat (2893) |
| Setiausaha Kehormat | Junaizee B Mohd Noor (519) |
| Bendahari | Kamalruzaman Ramlee (1122) |

5.2 Untuk jawatan Ahli Jawatan Kuasa (AJK) yg dipertandingkan, Tan Sri Samsudin mengumumkan 8 pemenang seperti berikut setelah pemilihan dijalankan:

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Capt Nasruddin B Abd Mutalib | 627 |
| 2 | Mohd Sazali Samlis | 1294 |
| 3 | Shazwan B Salleh | 931 |
| 4 | Amir Husna B Nik Zulkifli | 1275 |
| 5 | Shamsul Amri B Ali | 1981 |
| 6 | Mohammad Khalil B Mokhti | 2569 |
| 7 | Puan Zainap B Mahmod | 2405 |
| 8 | Shahrul Azlan B Idris | 1299 |

5.3 Bagi pemilihan jawatan Juru Audit Dalaman, pemilihan secara angkat tangan dijalankan dan 2 orang yg dicalon telah dipilih. Mereka ialah:
Jamaludin Hassan (900) batch 7983 dan Mohd Farid Mohd Noor (1127) batch 9397.

5.4 Dengan pemilihan jawatankuasa ASAS sesi 2019-2021, Dato Emran mengumumkan barisan jawatan kuasa lama ASAS terbubar. Dato Emran mengucapkan tahniah kepada sdr Ghazali Bujang dan pasukan jawatankuasa baru dan berharap jawatankuasa baru berusaha untuk meneruskan aktiviti ASAS dan memulihkan kedudukan kewangan ASAS.

**Agenda 6:**
**Membincangkan Usul Bertulis / Usul Lisan**

6.1 Tiada Usul bertulis diterima. Usul lisan dibentangkan.

6.2 Mohd Farid Mohd Noor (1127) mencadangkan aktiviti-aktiviti mengikut peringkat umur diperbanyakkan, seperti aktiviti untuk peringkat mereka di universiti, aktiviti untuk umur 30-40 dan sebagainya.

6.3 Syed Abdullah (322) mencadangkan diperbanyakkan perjumpaan antara AJK ASAS dengan wakil batch diadakan.

**Agenda 7**
**Ucapan Penangguhan**

7.1 Sdr Ghazali Bujang (008) selaku Presiden Baru ASAS mengucapkan terima kasih kepada semua jawatankuasa lama ASAS terutama Dato Emran Kadir yang telah banyak berjasa memimpin ASAS selama ini. Beliau berharap akan terus mendapat nasihat dan pertolongan dari Dato Emran terutama dalam hal-hal hubungan dengan Penaung SAS iaitu kebawah Duli Sultan Selangor.

Sdr Ghazali juga memberitahu usul-usul yang dibawa oleh rakan-rakan tadi akan dibawa ke mesyuarat AJK Asas nanti untuk dibincang.

7.2 Sdr Ghazali juga berharap agar ahli-ahli ASAS akan terus memberi sokongan kepada ASAS agar ASAS dapat membantu ahli, membantu SAS dan juga masyarakat.

**Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4:30 Ptg**

***Pencatat:***



Tandatangan

Nama : Mohd Junaizee B Mohd Noor
Jawatan : *Setiausaha Kehormat*

***Disemak oleh:***



Tandatangan

Nama : Ghazali B Bujang
Jawatan : *Presiden*

***Lampiran A***

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ASAS KE 35**
**KEHADIRAN**

| BIL | NAMA | NO AHLI | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Nasruddin A Muttalib | 627 | |
| 2 | Abd Razak Habib | 285 | |
| 3. | Ghazali Bujang | 008 | |
| 4. | Muhammad Khalil M. [illegible] | 2569 | |
| 5 | Engku Nasir | 580 | |
| 6 | Suhaimi Md Lani | 375 | |
| 7 | EMRAN KADIR | .005 | |
| 8 | LAMIN ISMAIL | 150 | |
| 9. | ZAINAL MAHMOD | 2405 | |
| 10 | Mohd Zaki Shahran | 515 | |
| 11. | Mohd Amir Husna | 1275 | |
| 12. | Azizul Hakim Mashkuri | 2093 | |
| 13. | Dato' Halipah Esa | 816 | |
| 14. | Abdul Rahman Idris | 817 | |
| 20 | Mohd Khalil | 435 | |
| 21. | MOHAMMAD [illegible] | 1294 | |
| 22 | MUHAMMAD NAZIR ABDULLAH | 567 | |
| ~~23~~ | ~~SARLY ADLE SARKUM~~ | | |
| 24 | MUHAMMAD BADRUDDIN SHAH BIN BAHARI | 2719 | |
| 25 | Shamsul Amri Ali | 1981 | |

ASAS ALUMNI

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ASAS KE 35**

**KEHADIRAN**

| BIL | NAMA | NO AHLI | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|
| 20 | KAMARUZZAMAN RAMLEE | 1122 | |
| 21 | Johar Murad | 004 | |
| 22 | Roslan Rosli | 716 | |
| 23 | MOHD JUNAIZEE B. MOHD NOOR | 510 | |
| 24 | AHMAD KADIM ABDUL MAJID | 656 | |
| 25 | Mohd Nawawi | 2190 | |
| 26 | Dr. Maraf Che Mat | 2019 | |
| 27 | Samsudin Hitam | 425 | |
| 28 | ABDUL HAIZAL | 751 | |
| 29 | Meslam Md Zani | 921 | |
| 30 | Khairidzwan b Rose | 667 | |
| 31 | JAYMAC | 900 | |
| 32 | Wan Salleh | 2648 | |
| | Khyree Sudiin | 653 | |
| 34. | SYARIZ ILRY SEHAT | 2893 | |
| 35. | ARIFF ZAKIR | 777 | |
| 36 | RAZALI | 1133 | |
| 37 | MOHD FARID MOHD NOR | 1127 | |
| 38 | ROSTAM SALLEH | 696 | |
| 39 | Dzulqarnain Awang Mukhtar | 919 | |

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ASAS KE 35
## KEHADIRAN

| BIL | NAMA | NO AHLI | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|
| 40 | Hatta Adam | 518 | |
| 41 | Syed Abdullah | 322 | |
| 42 | Amir Sharifudin Zainuddin | 773 | |
| 43 | Syahrul Azlan | 1299 | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

# LAPORAN TAHUNAN AKTIVITI
# PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH
# (ASAS)
# SESI 2019/2020

## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA ASAS 2019/2020

| | | |
|---|---|---|
| **Presiden** | : | **Ir. Ghazali B Bujang** *(008)* |
| **Timbalan Presiden** | : | **Datuk Rostam Affendi B Salleh** *(696)* |
| **Naib Presiden** | : | **Roslan B Rosli** *(716)* |
| | : | **Dr Syariz Izry B Sehat** *(2893)* |
| **Setiausaha Kehormat** | : | **Ir Mohd Junaizee B Mohd Noor** *(510)* |
| **Bendahari** | : | **Kamalruzaman B Ramlee** *(1122)* |
| **Ahli Jawatankuasa** | : | Capt Nasruddin Abd Mutalib *(672)* |
| | : | Shamsul Amri Bin Ali *(1981)* |
| | : | Pn Zainap Bt Mahmod *(2405)* |
| | : | Muhammad Khalil Bin Mokhti *(2569)* |
| | : | Mohamad Sazali Samjis *(1294)* |
| | : | Syahrul Azlan Bin Idris *(1299)* |
| | : | Shazwan Bin Saleh *(931)* |
| | : | Abdullah Abdul Hamid *(377)* |
| | : | Ahmad Zahid Bin Abd Razak *(1635)* |
| | : | Mohd Hafiz Bin Yahya *(2953)* |
| *Pemeriksa Kira-Kira* | : | Jamaluddin Hassan *(900)* |
| | : | Mohd Farid bin Mohd Nor *(1127)* |

## MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA ASAS 2019/2020

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ASAS bagi tahun 2019/2020 telah diadakan sebanyak 6 kali seperti tarikh di bawah:

| Mesyuarat | Tarikh |
|---|---|
| ▪ Jawatankuasa Kerja ASAS Bil. 1 | 28 Julai 2019 |
| ▪ Jawatankuasa Kerja ASAS Bil. 2 | 29 Sept 2019 |
| ▪ Jawatankuasa Kerja ASAS Bil. 3 | 7 Dis 2019 |
| ▪ Jawatankuasa Kerja ASAS Bil. 4 | 4 Jan 2020 |
| ▪ Jawatankuasa Kerja ASAS Bil. 5 | 2 Feb 2020 |
| ▪ JawatanKuasa Kerja ASAS Bil. 6 | 4 Julai 2020 |

Selepas Mesyuarat Agung ASAS kali ke 35 (27 Julai 2019) diadakan, Jawatankuasa Kerja ASAS telah mengadakan 6 kali mesyuarat sehingga tarikh Mesyuarat Agung ASAS kali ke 36 yang diadakan pada 25 Julai 2020.

Beberapa mesyuarat tidak rasmi yang melibatkan AJK kecil juga telah diadakan seperti mesyuarat AJK Pengurusan, Sekretariat, Usahawan, mesyuarat AJK Program Majlis Makan Malam Tahunan, mesyuarat AJK OBW 2020 dan lain-lain.

## REKOD KEHADIRAN AHLI JAWATANKUASA KERJA ASAS 2019-2021 DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA ASAS SEPANJANG TAHUN 2019/2020

Senarai kehadiran Ahli Jawatankuasa Kerja di mesyuarat adalah seperti berikut:

| Nama | Jawatan | Mesyuarat Jawatakuasa Kerja ASAS Bil | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | JUMLAH |
| **Ir Ghazali Bujang** | Presiden | √ | √ | √ | √ | √ | √ | **6/6** |
| **Datuk Rostam Affendi Salleh** | Timbalan Presiden | √ | √ | X | √ | X | √ | **4/6** |
| **Roslan Rosli** | Naib Presiden | √ | √ | √ | X | X | X | **3/6** |
| **Dr Syariz Izry B Sehat** | Naib Presiden | √ | X | X | √ | √ | √ | **4/6** |
| **Ir Mohd Junaizee Mohd Noor** | Setiausah a Kehormat | √ | √ | √ | √ | X | √ | **5/6** |
| **Kamalruzaman Ramlee** | Bendahari | √ | √ | √ | √ | √ | √ | **6/6** |
| **Capt Nasruddin** | Ajk Kerja | √ | X | √ | √ | X | √ | **4/6** |
| **Shamsul Amri Bin Ali** | Ajk Kerja | √ | √ | √ | X | √ | √ | **5/6** |
| **Pn Zainap** | Ajk Kerja | √ | √ | √ | √ | √ | √ | **6/6** |
| **Muhammad Khalil Mokhti** | Ajk Kerja | √ | √ | √ | X | √ | X | **4/6** |
| **Mohamad Sazali Samjis** | Ajk Kerja | √ | √ | √ | X | X | √ | **4/6** |
| **Syahrul Azlan Bin Idris** | Ajk Kerja | √ | X | X | X | X | X | **1/6** |
| **Shazwan Bin Saleh** | Ajk Kerja | √ | √ | √ | X | √ | √ | **5/6** |
| **Abdullah Abdul Hamid** | Ajk Kerja | 0 | √ | X | √ | X | X | **2/5** |
| **Ahmad Zahid Bin Abd Razak** | Ajk Kerja | 0 | X | √ | X | X | √ | **2/5** |
| **Mohd Hafiz Bin Yahya** | Ajk Kerja | 0 | 0 | 0 | 0 | √ | X | **1/2** |

**PENUBUHAN BIRO-BIRO**
**JAWATANKUASA KERJA ASAS 2019/2020**

Jawatankuasa Kerja ASAS 2019/2020 meneruskan aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya oleh beberapa biro bagi membantu Jawatankuasa Induk ASAS merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program serta aktiviti-aktivit yang dapat memberikan manfaat kepada ahli-ahli ASAS serta bekas pelajar Sekolah Alam Shah di samping mengeratkan hubungan kekitaan sesama *SASSIAN* yang telah disemai sejak dari zaman persekolahan lagi. Senarai ketua biro sesi 2019/2020 ini mempunyai sedikit perubahan dari biro-biro di sesi 2018/19 bagi memenuhi beberapa kemasukan AJK baru.

Biro-biro yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

| BIRO-BIRO | KETUA BIRO |
|---|---|
| **Pengurusan** | Ir Ghazali Bujang |
| **Sekretariat** | Datuk Rostam Affendi |
| **Hubungan Sekolah** | Roslan Rosli |
| **Sosial** | Dr Syariz Izry Sehat |
| **Agama / Kebajikan** | Capt Nasruddin Abd Mutalib |
| **Keusahawanan / Ekonomi** | Shamsul Amri Ali |
| **Sukan** | Muhammad Khalil Mokhti |

Biro-biro yang ditubuhkan mempunyai jawatankuasa kecil masing-masing yang berperanan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2019/2020.

Terdapat biro baru yang ditubuhkan iaitu Biro Sekretariat bagi memberi fokus kepada pengurusan hal ehwal berkaitan permohonan dan kemaskini keahlian baru.

## LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN BIRO-BIRO
## BAGI TAHUN 2019/2020

### 1.0 BIRO PENGURUSAN

### 1.1 Ahli Jawatankuasa

| | | |
|---|---|---|
| Ketua | : | Ir Ghazali Bujang |
| Ahli | : | Datuk Rostam Affendi Dato' Salleh |
| | | Ir Mohd Junaizee Mohd Noor |
| | | Kamalruzaman Ramlee |

### 1.2 Fungsi, Tanggungjawab dan Objektif

- Bertanggungjawab terhadap pengurusan pentadbiran ASAS dan pengurusan aset tetap seperti bangunan pejabat, perkakasan dan peralatan pejabat serta lain-lain aset milik ASAS.
- Pengurusan Kewangan (Aset cair) ASAS.
- Pengurusan sistem pentadbiran yang kukuh supaya kegiatan yang dirancang dapat dijalankan dengan berkesan bagi menjana hasil yang memuaskan.
- Pengurusan terhadap semua kegiatan pentadbiran ASAS dan aktiviti biro-biro ASAS supaya aktivit dapat dijalankan secara teratur dan sistematik.
- Penghubung utama dengan pihak ketiga saperti Agensi Kerajaan, Sekolah Sultan Alam Shah, Badan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Alumni lain, Badan Korporat yang mana ada kaitan dengan ASAS.
- Menggubal dasar pentadbiran dan pengurusan Persatuan.

### 1.3 Pengurusan Aset Tetap ASAS

ASAS mempunyai 2 aset tetap iaitu;

| | |
|---|---|
| **Bangunan Pejabat 3 Tingkat,**<br>**No.13 Jalan PJU 5/13, Dataran Sunway, Kota Damansara, Petaling Jaya.** | **Bangunan Pejabat 2 Tingkat**<br>**No. 20, Jalan P8G1, Presint 8, Putrajaya.** |

Bagi tahun dalam kajian, kesemua tingkat dalam dua bangunan milik ASAS telah disewakan dgn jumlah pendapatan sewa bulanan sebanyak RM 24,000.00.

### 1.4 Saman Tuntutan Saudara Razzi Shahran bin Rosli, bekas setiausaha kerja ASAS

ASAS telah mengambil tindakan saman tuntutan bayaran balik sebanyak RM 300,000.00 terhadap Sdr Razzi Shahran di Mahkamah Seksyen Shah Alam pada 19 Oktober 2019 dan mahkamah yang sama, pada 5 Disember 2019 telah mengeluarkan perintah kepada defendan, Sdr Razzi Shahran untuk membuat bayaran balik mengikut jadual seperti berikut:

- 8 kali bayaran setiap 3 bulan bermula 31 Januari 2020, dan seterusnya setiap 3 bulan, dalam tempoh masa 2 tahun.
- Bayaran terakhir pada atau sebelum 31 Disember 2021.
- Jumlah setiap kali bayaran ialah RM 37,500.00.

## 2.0 BIRO SEKRETARIAT

### 2.1 Ahli Jawatankuasa

Ketua : Datuk Rostam Affendi Dato' Salleh

Ahli : Kamalruzaman Ramlee
Ir Mohd Junaizee Mohd Noor
Mohamad Sazali Samjis
Syahrul Azlan Idris

### 2.2 Fungsi, Tanggungjawab dan Objektif

- Mengurus keahlian ASAS mengikut dasar ditetapkan perlembagaan ASAS serta garis panduan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja ASAS.
- Menyedia, mengemaskini dan menyimpan maklumat ahli di dalam pengkalan data dan /atau buku daftar keahlian.
- Promosi keahlian ASAS dan membangunkan Direktori ASAS
- Mengendali komunikasi dengan ahli dan wakil 'batch' termasuk media formal dan media sosial (Website, FB dan Whatsapps)

### 2.3 Mesyuarat Biro

Biro sekretariat telah mengadakan 3 mesyuarat bagi membincangkan perkara di bawah terma dan fungsi jawatankuasa seperti berikut:

- 18 Ogos 2019
- 24 September 2019
- 15 Oktober 2019

### 2.4 Laman Web ASAS

Laman Web ASAS di https://www.asas.com.my telah beroperasi sejak bulan Oktober 2019 dengan pelbagai perkhidmatan seperti:

- Informasi Mengenai ASAS
- Pemohonan dan semakan keahlian ASAS secara atas talian
- Pembelian cenderamata ASAS secara atas talian
- Sumbangan Infak kepada ASAS secara atas talian
- Makluman Aktiviti-aktiviti ASAS
- Berita ASAS

Permohonan keahlian telah dipermudah dengan perkhidmatan atas talian termasuk pembayaan yuran pendaftaran secara E-bayaran.

## 3.0 BIRO HUBUNGAN SEKOLAH

### 3.1 Ahli Jawatankuasa

| | | |
|---|---|---|
| Ketua | : | Tuan Haji Roslan bin Rosli |
| Ahli | : | En Mohd Sazali bin Samjis |
| | | Pn Zainap binti Mahmod |
| | | En Shazwan bin Salleh |
| | | En Mohd Hafiz bin Yahya |
| | | En Ahmad Zaid bin Abdul RAzak |

### 3.2 Fungsi, Tanggungjawab dan Objektif

Biro Perhubungan Sekolah ASAS berperanan memastikan kerjasama serta jalinan erat sentiasa terjalin antara Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS) dengan pihak Sekolah Sultan Alam Shah (SAS) serta Persatuan Ibu Bapa dan Pengetua dan Guru-guru (PIBG) SAS bagi memperkukuhkan status sekolah sebagai Sekolah Berasrama Penuh (SBP) premier yang tersohor di Malaysia. Kerjasama ini penting bagi memastikan kelancaran bagi perlaksanaan sesuatu inisiatif yang melibatkan SAS dan ASAS.

Antara fungsi dan tanggungjawab Biro termasuk:

- Menyokong serta mengambil bahagian dalam program serta aktiviti sekolah sepanjang tahun dalam bentuk sumbangan kewangan dan tenaga mahir.
- Menyediakan platform untuk ahli ASAS mewujudkan program serta latihan bagi membantu pihak sekolah meningkatkan lagi mutu akademik serta memperkasakan aktiviti ko korikulum sekolah.
- Memastikan komunikasi dua hala di antara SAS dan ASAS terjalin dengan baik demi kemaslahatan para pelajar, alumni sekolah, ibu bapa dan guru.

### 3.3 Saling Hubungan Di Antara Biro Perhubungan, SAS dan ASAS

Biro Perhubungan Sekolah ASAS memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelangsungan kerjasama di antara pihak SAS dan ASAS. Saling hubungan di antara pihak Biro, SAS dan ASAS adalah sepertimana yang digambarkan di dalam diagram yang berikut:




Diagram 1.0. Permohonan dari SAS kepada ASAS




Diagram 2.0. Permohonan dari ASAS kepada SAS

### 3.4 Biro Tahun 2019

Bagi membentuk sahsiah dan menerapkan semangat ASAS di kalangan pelajar, pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Biro Perhubungan Sekolah ASAS dengan kerjasama pihak sekolah SAS sepanjang tahun 2019. Antara aktiviti yang dianjurkan dan melibatkan kehadiran wakil ASAS termasuk:

| | |
|---|---|
| 21 May | : Majlis Berbuka Puasa ASAS |
| 23 Jun | : Majlis sambutan Aidilfitri ASAS |
| 04 Ogos | : Pusingan Akhir Debat Piala Perdana Menteri (SAS vs SDAR) |
| 26 Ogos | : Sesi lawatan dan perjumpaan Komitee ASAS bersama Pengetua dan Penolong Kanan 1 SAS |
| 28 Sept | : Majlis Munajat Perdana Sempena Peperiksaan PT3 & SPM 2019 |
| 2 Oct | : Sesi lawatan dan perjumpaan ASAS+Pengetua SAS dan Tan Sri Shukor (Presiden MSU University) |
| 18 Oct | : Malam Selingkar Kasih - Majlis makan malam pelajar Tingkatan 5 SAS |
| 27 Nov | : Majlis Sireh Pulang ke Gagang pelajar Tingkatan 5 SAS |

Lain-lain aktiviti

- Majlis Pelantikan Pengawas Baru bagi sessi tahun 2018/2019.
- Jamuan Makan Malam Beradab rumah setiap rumah rumah SAS
- Majlis Anugerah Cemerlang SAS
- Majlis Anugerah Ko Kurikulum
- Hari Sukan SAS dan Sukan Merentas Desa SAS
- Penyerahan van SAS yang di baik pulih sepenuhnya pada Hari Keusahawan SAS
- Bengkel Motivasi Pelajar Projek Khas SAS di Resort ABC, Templar Park

| | |
|---|---|
|   |  |
| Pusingan Akhir Debat Piala Perdana Menteri (SAS vs SDAR) | Majlis Munajat Perdana Sempena Peperiksaan PT3 & SPM 2019 |




Malam Selingkar Kasih. Dirasmikan oleh En.Jailani bin Mustafa ( Founder and Managing Director of eCEOs Group of Companies and CEO of ALPYZ Group) juga merupakan Alumni Sekolah Alam Shah.

***Sumbangan Kewangan***

Sepanjang tahun 2019, Biro Perhubungan Sekolah juga bertanggungjawab dalam menyelaras permohonan bantuan kewangan dari SAS dan bantuan lain yang dipohon SAS daripada ASAS. Diantara sumbangan-sumbangan yg telah diselaraskan termasuk:

- Sumbangan kepada pelajar projek khas Sekolah
- Sumbangan RM33,000 SAS bagi meningkatkan taraf penghawa dingin Surau SAS.
- Sumbangan RM16,000 untuk memperbaiki sepenuhnya Van SAS

***Lain-lain Sumbangan***

Diantara sumbangan-sumbangan yg telah diselaraskan termasuk:

- Menyediakan jururunding serta arkitek ASAS secara percuma bagi projek bumbung bola keranjang sekolah.
- Sumbangan berupa Piala Pusingan Lajman Sirat turut disumbangkan oleh pihak ASAS untuk Pelajar Cemerlang SPM dan Piala Pusingan Presiden ASAS untuk Pelajar Cemerlang Ko-Kurikulum, masing-masing dengan wang tunai RM500 bagi setiap pemenang.
- Biro Perhubungan Sekolah juga menganjurkan Majlis Makan Tengahari bagi menyambut Pengetua Baru dan terlibat mengambil bahagian pada majlis hari guru serta majlis perpisahan kepada Mantan Penolong Kanan Akademik SAS, Cikgu Noor Hakim Ismail.

### 3.5 Pengkalan Data Who's Who

Tujuan inisiatif ini adalah bagi menyenaraikan Ahli Batch masing- masing yang sedang memegang Jawatan Tertinggi di bahagian Swasta dan Kerajaan. Melalui inisiatif ini, pihak Biro akan dapat memudahkan pihak SAS melalui ASAS dalam merangka dan merencanakan cadangan aktiviti koloborasi / perkongsian bersama antara sekolah melalui pangkalan data "Who's Who" sekaligus membantu agar SAS sentiasa Cemerlang dalam melahirkan bakal-bakal ASAS yang Terbilang.

### 3.6 Keputusan Cemerlang PT3 dan SPM 2019

Sejumlah 123 daripada 170 pelajar SAS telah berjaya mencatatkan keputusan 9A bagi keputusan PT3 tahun ini. Bagi SPM 2019, hasil kerjasama yang erat dengan pihak SAS turut membuahkan hasil dengan peningkatan pencapaian keputusan SPM bagi Tahun 2019. Berdasarkan rekod, SAS berada di tempat ke 3 terbaik dalam senarai ranking antara SBP, hanya 2 decimal belakang Sekolah Sri Puteri, Cyberjaya. Bilangan pelajar mendapat 9A, 9A+ juga bertambah (termasuk 3 pelajar Projek Khas) . 9 pelajar berjaya mendapatkan 9 Straight A+ manakala 64 Straight A. Seorang pelajar turut berjaya mencapai 10A. Kejayaan SAS di dalam SPM 2019 bertambah manis dengan kehadiran Perdana Menteri , Tan Sri Muhyiddin Yassin diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Datuk Dr Mohd Gazali Abas, Pengetua SAS Salleh Ismail dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SAS Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.




Pencapaian cemerlang akademik di SAS, 2019

## 3.7 Rangka Tindakan Masa Hadapan

| Program ASAS | Program SAS |
|---|---|
| a. Projek Galeri SAS<br>b. Projek Laman Inovasi ASAS<br>c. Dinner ASAS (MMMTA 2020)<br>d. Projek Dataran ASAS<br>e. Rangka Tindakan (Blueprint) Pasukan Debat & SAS Debate | a. Majlis Anugerah Cemerlang & Ko Korikulum<br>b. Majlis perlantikan Badan Pemimpin SAS<br>c. Hari Merentas Desa<br>d. Hari Sukan SAS |

Beberapa inisiatif anjuran Biro turut menerima tempias susulan pandemik Covid 19 yang melanda dunia. Ini berikutan sekatan dan keperluan pematuhan SOP yang menghadkan pergerakan ahli Biro bermula Mac sehingga ke hari ini. Walaubagaimanapun, bagi merangka aktiviti dan inisiatif masa hadapan, pihak Biro bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut dalam menggariskan norma-norma Baharu (New Norm) dan akan dikongsikan dalam masa terdekat. Sokongan berterusan dari seluruh warga SAS dan ASAS amat kami perlukan ke arah memperkukuhkan lagi status sekolah sebagai Sekolah Berasrama Penuh (SBP) premier yang tersohor di Malaysia.

## 4.0 BIRO SOSIAL

### 4.1 Ahli Jawatankuasa

| | | |
|---|---|---|
| Ketua | : | Dr Syariz Izry Sehat |
| Ahli | : | Shamsul Amri Bin Ali |
| | | Shazwan Bin Saleh |

### 4.2 Objektif , Fungsi dan Tanggungjawab

- Menjalin dan mengeratkan jalinan ikatan silaturrahim dan kemesraan antara ahli ASAS.
- Menyediakan platform untuk ahli ASAS mewujudkan jaringan perniagaan dan pembangunan kerjaya.
- Membolehkan ahli ASAS mengimbau kenangan di zaman persekolahan sebagai pemangkin semangat untuk kecemerlangan kini.

### 4.3 Laporan Aktiviti

#### a. MMTB - Majlis Makan Tengah Hari Bulanan MMTB

**MMTB** adalah satu platform informal dimana warga ASAS boleh berjumpa dan mengeratkan silaturrahim antara ahli. Penganjuran ini telah diadakan sejak tahun 2002 bertempat di Kelab Tasek Perdana ( Royal Lake Club ). Kemudian, perlaksanaan MMTB bertukar tempat iaitu di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) yang diadakan pada hari Selasa pertama setiap bulan, kecuali oleh sebab-sebab tertentu.

Sejak kebelakangan ini Asas telah ketandusan 'Tuan Rumah MMTB' mengikut 'Batch' secara sukarela. Walaupun begitu, MMTB diteruskan secara ' on demand ' dan pengumpulan dana, dan lokasi yang sering diadakan adalah di Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM).

3 Majlis Makan Tengah Hari Bulanan ASAS pada tahun 2019 telah berlangsung dengan jayanya seperti berikut :-

<table>
<tr><th>4 March 2019</th><th>2 April 2019</th></tr>
<tr><td>




</td><td>


</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="2">19 November 2019</th></tr>
<tr><td>


</td><td>

</td></tr>
</table>

### b. Laporan Majlis Makan Malam Tahunan MMMT 2019

MMMT ialah satu majlis formal yang diadakan pada bulan Februari setiap tahun sejak 2003. Bulan Februari dipilih kerana Sekolah Alam Shah diwujudkan pada bulan Februari 1963. Selain memperingati penubuhan Sekolah Alam Shah, Majlis Makan Malam Tahunan adalah salah satu platform untuk warga ASAS bersilaturrahim sesama sendiri bersama dengan mantan guru. Pada kebiasaannya MMMT dapat mengumpulkan hampir 1000 orang hadirin yang datang dari seluruh pelusuk negara. Namun begitu, bagi tahun 2019, acara ini tidak dapat diteruskan kerana kurang sambutan di kalangan ahli di sebabkan faktor-faktor tertentu.

### c. Laporan Majlis Perjumpaan Wakil-wakil Batch 2019

Majlis Perjumpaan AJK ASAS baru bersama Wakil-wakil Batch dan Kelab Sukan Asas diadakan pada 7 December 2019 di Dorsett Subang dengan kehadiran 100 lebih wakil ahli yang membincangkan tentang isu-isu dan perkembangan semasa ASAS.










### d. Majlis Rumah Terbuka ASAS sempena Hari Raya Aidilfitri 2019

Majlis Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri adalah satu lagi acara tahunan yang telah berjaya mengumpulkan ramai warga Asas dan juga mantan guru. Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri kali ini julung kalinya telah diadakan di Dewan Putra Perdana Sekolah Sultan Alam Shah pada 23 Jun 2019. Majlis ini telah berjaya menarik sekitar 700 kehadiran ahli-ahli ASAS.









## e. ASAS Old Boys Weekend

ASAS Old Boys Weekend adalah salah satu acara yang sentiasa dinanti-nantikan oleh ahli-ahli. Sebuah acara yang berlangsung di Sekolah Sultan Alam Shah sendiri dan dipertanggungjawapkan secara usahasama antara dua batch berbeza yang menyambut ulangtahun ke 25 dan ke 10 tahun meninggalkan sekolah. Perlaksanaannya adalah mengikut kreativiti batch terlibat namun harus mendapat persetujuan Asas dan juga Sekolah. Landasan ini menjadi ruangan terbaik untuk ahli memberi "Giving Back To School" dan kembali "Back To School" disamping mengeratkan silaturahim antara rakan sebaya serta bersama batch yang berbeza. OBW telah berlangsung dengan jayanya pada 26-27 Julai 2019 oleh Batch 9094 dan Batch 0509 dengan acara simbolik penyampaian sebuah van yang telah dibaik-pulihkan kepada Pengetua.










## f. Program Jalinan Kasih

Sebuah inisiatif baru cetusan Ketua Biro bagi memperkukuhkan silaturrahim antara Asas Chapter melalui siri-siri lawatan/jelajah yang akan diusulkan. Walaubagaimanapun, program ini belum lagi dapat dilaksanakan.

## 5.0 BIRO AGAMA / KEBAJIKAN

### 5.1 Ahli Jawatankuasa

| | | |
|---|---|---|
| Ketua | : | Capt Nasruddin Abdul Mutalib |
| Ahli | : | Puan Zainap bt Mahmud |
| | | Mohd Khalil Mokhti |
| | | Abd Haizal TS Halil |

### 5.2 Fungsi, Tanggungjawab dan Objektif

- Merancang, menyelaras, melaksana dan menyerlahkan aspek keagamaan dengan pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan kehendak Perlembagaan ASAS.
- Mengambil peduli serta membantu yang termampu hal kebajikan ahli-ahli ASAS dan alumni disamping warga SAS yang lain secara keseluruhannya.

### 5.3 Laporan Aktiviti

#### a. Program Berbuka Puasa ASAS 2019

Program Berbuka Puasa ASAS 2019 telah dianjurkan di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya pada 21 Mei 2019 (Selasa) dari jam 6.00 petang hingga 10.30 malam. Pengisian tazkirah Ramadhan disampaikan oleh Ustaz Nabil Ahmad bertajuk "Ramadhan dan Al-Quran". Solat Teraweh telah di Imamkan oleh En Hafiz Mohd Noor ASAS 0207. Seramai lebih kurang 25 orang ahli ASAS dari pelbagai Batch telah menghadirinya disamping kira-kira 821 orang para pelajar SAS. Pengetua dan beberapa orang guru-guru SAS juga turut hadir.

Program ini ditaja sepenuhnya oleh AJK ASAS dan batch AJK ASAS.

#### b. Majlis Bacaan Yassin

Majlis bacaan Yassin, tahlil, doa selamat dan perkongsian ilmu sempena perlantikan AJK ASAS 2019-21 telah diadakan di Surau Sekolah Sultan Alam Shah pada 24 Ogos 2019 (Sabtu) bermula dari jam 6.30 petang. Seramai 40 orang ASAS telah hadir. Majlis dipimpin oleh Prof Dato Dr. Mohd Yusof Othman ASAS 6781.

Program ini ditaja oleh Ahli-ahli ASAS.

## c. Tabung Kebajikan ASAS

Ahli Jawatankuasa Pengelola Tabung Kebajikan ASAS telah dibentuk untuk sesi 2019-21 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Pengerusi | Puan Zainap Bt Mahmud (Jawatan Pengerusi adalah lantikan AJK ASAS) |
| Tim Pengerusi | Hj Kamisan Sujak |
| Setiusaha | Capt Nasruddin Abdul Mutalib |
| AJK | Mohd Khalil Mokhti |
| | Abd Haizal B TS Halil |

Pada tahun 2019, empat puluh empat sumbangan untuk kematian berjumlah RM 13,200 telah dikeluarkan kepada waris Alumni SAS yang meninggal dunia.

Sumbangan Tabung Kebajikan ASAS kebanyakannya diwakilkan kepada wakil batch yang telah melakukan kunjungan Ziarah Kasih terhadap keluarga warga ASAS yang telah meninggal dunia atau ditimpa musibah.

Sumber kewangan Tabung Kebajikan ASAS hanyalah sumbangan dari Warga ASAS. Pada akhir tahun 2018, kerana kehabisan dana, Tabung Kebajikan ASAS telah melancarkan kutipan sumbangan dari Warga ASAS untuk tujuan khairat kematian ini. Jumlah sumbangan terkumpul hingga Februari 2019 ialah RM 30,583

Sumbangan Tabung Kebajikan ASAS sejak ditubuhkan pada Ogos 2016 adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Penerima | Jumlah Sumbangan |
|---|---|---|
| 2016 | 6 orang | RM 1,800 |
| 2017 | 26 orang | RM 8,000 |
| 2018 | 43 orang | RM 12,600 |
| 2019 | 44 orang | RM 13,200 |

## 6.0 BIRO KEUSAHAWANAN

### 6.1 Ahli Jawatankuasa

| | | |
|---|---|---|
| Ketua | : | Shamsul Amri Ali |
| Ahli | : | Mohamad Sazali Samjis |
| | | Shazwan Bin Saleh |
| | | Abd Haizal Tan Sri Halil |
| | | AR Khairul Anuar |
| | | Hafizuddin Bin Mohd Nor |

### 6.2 Fungsi, Tanggungjawab dan Objektif

- Mengeratkan silaturrahim antara ahli usahawan dan bakal usahawan ASAS.
- Membantu memperkasakan Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah supaya setanding dengan persatuan alumni yang lain.
- Melaksanakan aktiviti keusahawanan dan kunjung hormat ke tempat usahawanan dan pegawai tertinggi swasta dan kerajaan dari kalangan ahli-ahli ASAS.
- Mengambil bahagian dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan sambil menyokong peluang ekonomi di kalangan ahli ASAS.

### 6.3 Laporan Aktiviti Biro

#### i. Laman Web Asas

Laman Web Asas WWW.ASAS.COM.MY dilancarkan bagi memudahkan ahli dari sudut informatif, hebahan umum berkenaan aktiviti-aktivi, pendaftaran keahlian baru, pembelian barangan kenangan (memorabilia) Asas,infaq serta direktori ahli.

Sejak ianya dilancarkan semula pada bulan Oktober 2019 dengan diberi nafas baru, sambutan yang diterima amatlah menggalakkan . Ribuan belian dari pelbagai produk dan juga beratus permohonan untuk keahlian telah dicapai melalui inisiatif Laman WEB ini.

Selain dari itu, sisipan baru di laman web iaitu ASAS NIAGA akan turut dilancarkan, inisiatif ini nanti diharapkan dapat menjadi satu katalis untuk usahawan-usahawan Asas.

| | |
|---|---|
| **Laman Utama**<br><br>www.asas.com.my |  |



**ii. Asas Merchandise**

Pihak biro telah melakukan inisiatif untuk merekodkan segala jenis jualan barangan serta penjualan secara atas talian. Setiap transaksi direkodkan dan pembeli membayar terus melalui perbankan internet dan pihak Biro Usahawan akan menghantar barangan melalui penghantaran Poslaju.

Biro juga telah menambah produk baru iaitu 'Lanyard Asas' dan 'Car Sticker Asas' . Sambutan yang telah diterima adalah diluar jangkaan hingga terpaksa melakukan pesanan semula.

Biro Usahawan akan terus melakukan penambahbaikan dan menambah produk dari semasa ke semasa.

| | |
|---|---|
| **Pendapatan Asas Merchandise**<br><br>2018 : RM 1,040.00<br><br>2019 : RM 19,085.83 |  |

### iii. Asas Prihatin

Asas Prihatin adalah platform yang dilancarkan pada 10 Februari 2018 untuk kemudahan ahli-ahli membayar/memperbaharui insurans kenderaan. Pembelian/pembaharuan insurans kenderaan ini dapat dibuat secara di atas talian dan transaksi adalah melalui perbankan internet. Komisen daripada setiap transaksi akan disalurkan kepada tabung Asas. Perlaksanaan ini adalah antara usaha bagi membantu menambahkan kewangan Asas secara pasif.

Buat masa ini Biro Usahawan dalam proses mengadakan rundingan semula dengan pihak terlibat.




### iv. Program Penyantunan (Kunjungan Hormat)

Kunjung hormat ke tempat/pejabat ahli Asas yang berjawatan tinggi ini bertujuan mempromosikan Asas serta peluang berkolabrasi bersama dalam aktiviti-aktiviti yang direncanakan. Antara kunjungan yang telah dibuat :

Oktober 2019 – Kunjungan ke Management & Science University Bersama Presiden Asas,Pengetua Sas serta AJK.

- Berjumpa Tan Sri Dato Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid sebagai Presiden Msu bagi memperkenalkan Asas dan peluang kolabrasi serta memberikan tali leher Asas sebagai tanda hormat.



Gambar-gambar Majlis Kunjungan Hormat

## 7.0 BIRO SUKAN

### 7.1 Ahli Jawatankuasa

| | |
|---|---|
| Ketua : | En Muhammad Khalil Bin Mokhti |
| Ahli : | En Ahmad Zahid bin Abdul Razak |
| | En Aminuddin Bin Anuar |
| | En Imran Jazary Bin Md Diah |

### 7.2 Peranan, Fungsi dan Tanggungjawab

Biro Sukan ASAS berperanan untuk merencana, melaksanakan dan menyokong aktiviti – aktiviti sukan dalam kalangan warga ASAS. Aktiviti sukan yang dianjurkan bertujuan untuk memupuk budaya aktif dan sihat disamping menjadi platfom untuk menjalinkan ukhwah yang lebih erat .

### 7.3 Hubungan Di Antara Biro Sukan ASAS dan Kelab – Kelab Sukan ASAS

Biro Sukan ASAS juga peranan dalam memastikan kelangsungan kerjasama di antara pihak ASAS dan kelab – kelab sukan ASAS. Untuk memastikan kerjasama ini berjalan dengan baik, Biro Sukan ASAS telah mengenalpasti individu-individu penting bagi setiap kelab sukan untuk memberikan informasi dan perkembangan semasa tentang kelab sukan masing masing. Senarai Person-in-charge (PIC) untuk kelab- kelab sukan ASAS adalah seperti berikut :

1. Bola Tampar – En. Zulfakis
2. Hoki – En. Radzi
3. Bola Sepak - En. Alif Ashraf
4. Bola Keranjang - En Mode
5. Ragbi - En Shahir
6. Golf - Dr. Mat Khair & Dato' Hassan Ibrahim
7. Boling - En Rosdi
8. Basikal - En. Rosdi

## 7.4 Laporan Aktiviti Sukan / Kejayaan Melibatkan Kelab Sukan ASAS

### 7.4.1 Ragbi

Kelab Ragbi ASAS atau ASAS RC telah berjaya mengharumkan nama ASAS dengan menjuarai beberapa kejohanan bagi tahun 2019. Antaranya dengan menjuarai

1. Kejohanan Terbuka Taiping 10 Sebelah 2019
2. Kejohanan Liga Putrajaya 2019
3. Kejohan Liga Ragbi Veteran 2019





### 7.4.2 Golf

Kelab Golf ASAS juga antara kelab sukan yang sangat aktif dengan jumlah ahli yang ramai. Kelab ini sentiasa mengadakan perlawanan golf sesama ahli dan Alumni sekolah berasrama penuh yang lain. Pada Oktober 2019, dengan kerjasama penganjur ASAS Old Boys Weekend (OBW) 2020 telah berjaya menganjurkan Kejohanan Golf Amal 2019. Kejohanan yang diadakan di Forest City, Johor Bahru, telah diadakan untuk mengumpul dana untuk projek amal yang direncana oleh penganjur OBW 2020.





### 7.4.3 Bola Sepak / Futsal

Kelab Bola Sepak ASAS sepanjang tahun 2019 dan 2020 telah Berjaya diberikan nafas baru dengan kemasukan ramai pelapis pelapis yang berbakat besar. Pada Oktober 2019, ASAS FC berjaya melayakkan diri ke Final Piala FA 2019 tetapi terpaksa berpuas hati di tempat ke -2, tewas pada FISSKA dengan keputusan 2-1. Pasukan Futsal ASAS juga tidak kurang hebatnya apabila berjaya menduduki tempat ke -5 dari 10 pasukan dalam kejohanan Liga Futsal Alumni 2019 yang berakhir pada November 2019.






### 7.4.4 Boling

Kelab Boling Tenpin ASAS merupakan antara pasukan boling yang paling konsisten dan disegani dalam Kejohanan Liga Boling Alumni. Pada Oktober 2019, Pasukan Boling Tenpin ASAS sekali lagi menunjukkan dominasi dan menunjukan permainan dalam kelas tersendiri apabila berjaya mendapat tempat pertama dan kedua dalam kejohanan tersebut.





### 7.4.5 Bola Tampar

Kelab Bola Tampar ASAS merupakan kelab yang aktif dan memiliki barisan pemain yang terdiri dari semua golongan umur. Pada tahun 2018, pasukan ini berjaya menjuarai Kejohanan Liga Bola Tampar Alumni namun pada tahun 2019 nasib tidak menyebelahi pasukan kita apabila terkandas di pusingan suku akhir. Selain dari pertandingan liga alumni, pasukan bola tampar turut aktif menyertai pertandingan terbuka yang diadakan sepanjang penubuhan mereka.



### 7.5 Rangka Tindakan Masa Hadapan

Beberapa inisiatif anjuran Biro turut menerima tempias susulan pandemik Covid 19 yang melanda dunia. Ini berikutan sekatan dan keperluan pematuhan SOP yang menghadkan pergerakan ahli Biro bermula Mac sehingga ke hari ini. Walaubagaimanapun, bagi merangka aktiviti dan inisiatif masa hadapan, pihak Biro bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut dalam menggariskan norma-norma Baharu (New Norm) dan akan dikongsikan dalam masa terdekat.

# LAPORAN PENYATA KEWANGAN
# BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

## KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2019

| | Nota | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET TETAP** | | | |
| 1. Rumah Persatuan Kota Damansara | 1 | 1,453,583.02 | 1,471,551.59 |
| 2. Rumah Persatuan Putrajaya | | 1,600,300.51 | 1,617,424.89 |
| 3. Peralatan Pejabat | | - | 783.43 |
| | | **3,053,883.53** | **3,089,759.91** |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Deposit | 2 | 17,279.80 | 17,279.80 |
| Penghutang | 3 | 992,024.71 | 962,195.54 |
| Stok Merchandise | | - | - |
| Bank | 4 | 78,470.86 | 28,116.17 |
| **JUMLAH ASET SEMASA** | | **1,087,775.37** | **1,007,591.51** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Belanja Terakru | 5 | - | 25,156.87 |
| Pemiutang | 6 | - | 31,660.00 |
| Pinjaman Jangka Pendek | 7 | 230,000.00 | 230,000.00 |
| Deposit Penyewa | 8 | 51,000.00 | 57,000.00 |
| **JUMLAH LIABILITI SEMASA** | | **281,000.00** | **343,816.87** |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | **806,775.37** | **663,774.64** |
| **JUMLAH ASET** | | **3,860,658.90** | **3,753,534.55** |
| **DIBIAYAI OLEH** | | | |
| Dana Terkumpul Pada 1 Jan | | 2,940,566.37 | 2,915,533.76 |
| Lebihan Semasa | | 148,833.68 | 25,032.61 |
| **DANA TERKUMPUL PADA 31 DIS** | | **3,089,400.05** | **2,940,566.37** |
| **PINJAMAN JANGKA PANJANG** | | | |
| Pinjaman Bank Muamalat (15tahun) | | 771,258.85 | 812,968.18 |
| | | **3,860,658.90** | **3,753,534.55** |

## PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Nota | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| 1. Pendapatan Sewa | 9 | 276,000.00 | 221,700.00 |
| 2. Pendapatan Aktiviti ASAS | 10 | 39,925.00 | 200,550.00 |
| 3. Pendapatan Jualan Merchandise | 11 | 19,085.83 | 1,040.00 |
| 4. Pendapatan Hibah | 12 | 100.55 | 147.40 |
| 5. Yuran Keahlian | 13 | 1,920.00 | 90.00 |
| 6. Pendapatan Pelbagai | 14 | 28,380.19 | 3,000.00 |
| 7. Sumbangan Tabung Kebajikan | 15 | 15,143.00 | 24,618.51 |
| 8. Sumbangan ASAS Ke SAS | 16 | 34,340.00 | 15,405.00 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | **414,894.57** | **466,550.91** |
| **Tolak : PERBELANJAAN** | | | |
| 1. Emolumen Staff | 17 | 25,309.80 | 33,092.50 |
| 2. Perbelanjaan Pentadbiran | 18 | 2,011.85 | 1,857.71 |
| 3. Perbelanjaan Bangunan & Penyewaan | 19 | 19,560.72 | 19,327.94 |
| 4. Perbelanjaan Kewangan | 20 | 71,280.59 | 109,647.14 |
| 5. Perbelanjaan Aktiviti ASAS | 21 | 27,991.50 | 206,122.56 |
| 6. Perbelanjaan Merchandise | 22 | 14,115.05 | - |
| 6. Lain-lain Perbelanjaan | 23 | 6,075.00 | 17,252.50 |
| 7. Khairat Kematian Tabung Kebajikan | 23 | 15,000.00 | 10,600.00 |
| 8. Perbelanjaan Sumbangan | 24 | 48,840.00 | 7,705.00 |
| 9. Peruntukan & Susutnilai | 25 | 35,876.38 | 35,912.95 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | **266,060.89** | **441,518.30** |
| **LEBIHAN/ (DEFISIT)** | | **148,833.68** | **25,032.61** |

## NOTA KEPADA AKAUN

### 1 Aset Tetap

| | Harga Kos | Susutnilai Terkumpul | Susutnilai Semasa | Nilai Bersih |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| **2019** | | | | |
| Rumah Persatuan Kota Damansara | 1,778,888.00 | 307,336.41 | 17,968.57 | 1,453,583.02 |
| Rumah Persatuan Putrajaya | 1,695,313.20 | 77,888.31 | 17,124.38 | 1,600,300.51 |
| Peralatan Pejabat | 17,883.00 | 17,099.57 | 783.43 | - |
| | **3,492,084.20** | **402,324.29** | **35,876.38** | **3,053,883.53** |
| **2018** | | | | |
| Rumah Persatuan Kota Damansara | 1,778,888.00 | 289,367.84 | 17,968.57 | 1,471,551.59 |
| Rumah Persatuan Putrajaya | 1,695,313.20 | 60,763.93 | 17,124.38 | 1,617,424.89 |
| Peralatan Pejabat | 17,883.00 | 16,279.57 | 820.00 | 783.43 |
| | **3,492,084.20** | **366,411.34** | **35,912.95** | **3,089,759.91** |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **2 Deposit** | | |
| Deposit TNB | 14,779.80 | 14,779.80 |
| Deposit Syabas | 2,500.00 | 2,500.00 |
| | **17,279.80** | **17,279.80** |
| **3 Penghutang** | | |
| KoASAS | 340,832.00 | 340,832.00 |
| KoASAS (Duit Yuran Ahli ASAS)* | 220,920.00 | 220,920.00 |
| Razzi Shahrizan | 387,449.71 | 395,120.54 |
| Akaun Penyewa - KD : GF | 16,400.00 | 8,200.00 |
| AkaunPenyewa KD : T1 | 3,100.00 | - |
| AkaunPenyewa Pj : GF | 23,323.00 | - 2,877.00 |
| | **992,024.71** | **962,195.54** |

*Yuran Keahlian ASAS yang dipindahkan kepada Koperasi ASAS Selangor Berhad (KoASAS).

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| **4 Bank** | | |
| Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) | 58,414.18 | 4,243.80 |
| Maybank Islamic Berhad (MBB) | 17,484.67 | 21,300.67 |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad (BM) | 2,572.01 | 2,571.70 |
| | **78,470.86** | **28,116.17** |
| **5 Belanja Terakru** | | |
| Majlis Bandaraya Petaling Jaya | - | 6,492.54 |
| Pejabat Tanah Petaling Jaya | - | - |
| Perbadanan Putrajaya | - | 8,998.00 |
| Pejabat Ketua Pengarah Tanah Persekutuan | - | 537.00 |
| Indah Water | - | 645.83 |
| Tenaga Nasional Berhad | - | 483.50 |
| Kelab ASAS 893 | - | 8,000.00 |
| | **-** | **25,156.87** |

| | | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|---|
| 6 | **Pemiutang** | | |
| | Terra Pixel Sdn Bhd | - | 20,000.00 |
| | CD Holdings Sdn Bhd | - | 11,660.00 |
| | | **-** | **31,660.00** |
| 7 | **Pinjaman Jangka Pendek** | | |
| | Majlis Presiden | 230,000.00 | 230,000.00 |
| | | **230,000.00** | **230,000.00** |
| 8 | **Deposit Penyewa** | | |
| | KD - GF | 24,600.00 | 24,600.00 |
| | KD - T1 | 9,300.00 | 9,300.00 |
| | KD - T2 | 4,800.00 | 4,800.00 |
| | KD - T3 | 4,800.00 | 4,800.00 |
| | Pj - GF | - | 6,000.00 |
| | Pj - T1 | 7,500.00 | 7,500.00 |
| | | **51,000.00** | **57,000.00** |
| 9 | **Pendapatan Sewa** | | |
| | KD - GF | 98,400.00 | 65,400.00 |
| | KD - T1 | 37,200.00 | 27,900.00 |
| | KD - T2 | 25,200.00 | 25,200.00 |
| | KD - T3 | 19,200.00 | 19,200.00 |
| | Pj - GF | 66,000.00 | 54,000.00 |
| | Pj - T1 | 30,000.00 | 30,000.00 |
| | | **276,000.00** | **221,700.00** |
| 10 | **Pendapatan Aktiviti ASAS** | | |
| | MMMTA | 15,000.00 | 176,000.00 |
| | MMTHBA | - | 9,000.00 |
| | Futsal ASAS | - | - |
| | Majlis Berbuka Puasa | - | - |
| | Jamuan Hari Raya | 15,925.00 | 15,050.00 |
| | Program Projek Khas SAS | 8,000.00 | 500.00 |
| | OBW | - | - |
| | Lain-lain Aktiviti | 1,000.00 | |
| | | **39,925.00** | **200,550.00** |
| 11 | **Pendapatan Jualan Merchandise** | | |
| | Tali Leher ASAS | 7,950.00 | 820.00 |
| | Pelbagai Merchandise | 11,135.83 | 220.00 |
| | | **19,085.83** | **1,040.00** |
| 12 | **Hibah** | | |
| | Hibah BIMB | 90.24 | 75.70 |
| | Hibah MBB | - | - |
| | Hibah BM | 10.31 | 71.70 |
| | | **100.55** | **147.40** |
| 13 | **Pendapatan Yuran** | | |
| | Yuran Pendaftaran Ahli | 1,920.00 | - |
| | | **1,920.00** | **-** |

| | | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|---|
| **14** | **Pendapatan Pelbagai** | | |
| | Sumbangan Kuota ASAS Ke SAS | 25,000.00 | 3,000.00 |
| | Sumbangan Infak Ahli ASAS | 3,380.19 | - |
| | | **28,380.19** | **3,000.00** |
| **15** | **Sumbangan Tabung Kebajikan ASAS** | | |
| | Tabung Kebajikan (MBB) | 15,143.00 | 24,618.51 |
| | | **15,143.00** | **24,618.51** |
| **16** | **Sumbangan ASAS kepada SAS** | | |
| | Sumbangan Van SAS | - | 7,800.00 |
| | Sumbangan ASWO | - | 7,605.00 |
| | Sumbangan Surau SAS | 34,340.00 | - |
| | | **34,340.00** | **15,405.00** |
| **17** | **Emolumen Staff** | | |
| | Gaji | 18,000.00 | 28,092.50 |
| | Elaun-elaun & Pelbagai | 2,200.00 | 5,000.00 |
| | Tuntutan Perjalanan & Penginapan | 1,020.50 | - |
| | Bonus Tahunan | 1,500.00 | - |
| | Caruman KWSP dan PERKESO | 2,589.30 | - |
| | | **25,309.80** | **33,092.50** |
| **18** | **Perbelanjaan Pentadbiran** | | |
| | Bil Air | - | - |
| | Bil Pembentungan | 127.20 | 524.91 |
| | Bil Elektrik | - | 483.50 |
| | Bil Telefon dan Internet | - | - |
| | Cetakan Dan Alat Tulis | 1,215.00 | 6.90 |
| | Pos dan Setem | 18.40 | - |
| | Perbelanjaan Mesyuarat Agung | 651.25 | 503.50 |
| | Perbelanjaan Pelbagai Pentadbiran | - | 338.90 |
| | | **2,011.85** | **1,857.71** |
| **19** | **Perbelanjaan Bangunan & Penyewaan** | | |
| | Cukai Taksiran - KD | 7,751.04 | 6,492.54 |
| | Cukai Taksiran - Pj | 9,038.00 | 8,998.00 |
| | Cukai Tanah - KD | 494.00 | 494.00 |
| | Cukai Tanah - Pj | 537.00 | 537.00 |
| | Penyelengaraan Bangunan | 743.00 | 2,400.00 |
| | Insuran Bangunan | 997.68 | - |
| | Perbelanjaan Pelbagai Bangunan & Hartanah | - | 406.40 |
| | | **19,560.72** | **19,327.94** |
| **20** | **Perbelanjaan Kewangan** | | |
| | Caj Bank | 64.00 | 282.43 |
| | Faedah Pinjaman Bank Muamalat | 71,216.59 | 103,068.01 |
| | Perbelanjaan Pelbagai Kewangan | - | 6,296.70 |
| | GST | - | - |
| | | **71,280.59** | **109,647.14** |

| | | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|---|
| **21** | **Perbelanjaan Aktiviti ASAS** | | |
| | MMMTA | 10,471.50 | 169,947.56 |
| | MMTBHA | - | 9,000.00 |
| | Majlis Berbuka Puasa | - | - |
| | Majlis Hari Raya | 15,920.00 | 14,175.00 |
| | ASAS Futsal | - | 5,000.00 |
| | ASAS Boling | 200.00 | - |
| | ASAS Rugbi | - | - |
| | Program Projek Khas SAS | - | - |
| | ASAS OBW | - | 8,000.00 |
| | Lain-lain Aktiviti | 1,400.00 | - |
| | | **27,991.50** | **206,122.56** |
| **22** | **Perbelanjaan Merchandise** | | |
| | Bayaran Pembekal | | |
| | Belanja Pembungkusan Dan Pos | | - |
| | Komision/ Pelbagai | 14,115.05 | - |
| | | **14,115.05** | **-** |
| **23** | **Lain-lain Perbelanjaan** | | |
| | Yuran Guaman | 5,000.00 | 2,000.00 |
| | Perbelanjaan Am & Pelbagai | 75.00 | 15,252.50 |
| | Pemulangan Duit Sumbangan Anak Ke SAS | 1,000.00 | - |
| | | **6,075.00** | **17,252.50** |
| **24** | **Khairat Kematian Tabung Kebajikan** | | |
| | Khairat Kematian (Tabung Kebajikan MBB) | 15,000.00 | 10,600.00 |
| | | **15,000.00** | **10,600.00** |
| **25** | **Perbelanjaan Sumbangan** | | |
| | Sumbangan kepada SAS | 47,340.00 | 7,105.00 |
| | Sumbangan kepada Gabungan SBP | 1,500.00 | 600.00 |
| | | **48,840.00** | **7,705.00** |
| **26** | **Susutnilai & Peruntukan** | | |
| | Susutnilai | 35,876.38 | 35,912.95 |
| | Lain-lain | - | - |
| | | **35,876.38** | **35,912.95** |

**PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)**
**Pejabat ASAS, No 22A (Tingkat 1), Jalan P8G1, Presint 8,**
**62250 Putrajaya.**

## KENYATAAN OLEH JAWATANKUASA KERJA

Kami, Ghazali Bin Bujang dan Mohd Junaizee Bin Mohd Noor, dua orang dari Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah, dengan ini menyatakan bagi pihak Jawatankuasa Kerja, bahawa pada pendapat kami, akaun-akaun disusun menunjukkan keadaan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Persatuan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Persatuan bagi tempoh berakhir pada tarikh itu.

..........................................
**GHAZALI BIN BUJANG**
Presiden

..........................................................
**MOHD JUNAIZEE BIN MOHD NOOR**
Setiausaha Kehormat

**PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)**
**Pejabat ASAS, No 22A (Tingkat 1), Jalan P8G1, Presint 8,**
**62250 Putrajaya.**

## KENYATAAN OLEH BENDAHARI

Saya, Kamalruzaman Bin Ramlee, yang terutamanya bertanggungjawab ke atas rekod perakaunan dan urusan kewangan Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah, berikrar bahawa akaun-akaun dan perbelanjaan pada 31 Disember 2019 sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan benar.

……………………………………………
**KAMALRUZAMAN BIN RAMLEE**
Bendahari

**PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)**
**Pejabat ASAS, No 22A (Tingkat 1), Jalan P8G1, Presint 8,**
**62250 Putrajaya.**

## KENYATAAN OLEH JURUAUDIT - JURUAUDIT

Kami, Jamaluddin Bin Hassan dan Mohd Farid Bin Mohd Nor, juruaudit-juruaudit Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah, telah memeriksa dan mengaudit akaun-akaun Persatuan dan berpendapat bahawa akaun-akaun tersebut telah disimpan dengan betul dan wajar dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 bersama dengan nota-notanya adalah benar dan saksama.

| | |
|---|---|
| ........................................ | ........................................ |
| **JAMALUDDIN BIN HASSAN** | **MOHD FARID BIN MOHD NOR** |
| Juruaudit | Juruaudit |

# LAMPIRAN

**AGENDA 5**

**PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)**
**Pejabat ASAS, No 22A (Tingkat 1), Jalan P8G1, Presint 8,**
**62250 Putrajaya.**

**AGENDA 5**

**Membuat Peruntukan dan Melupuskan Hutang Ragu Berjumlah RM87,449.71.**

Pada Ogos 2018, AJK ASAS mendapati bahawa penyata kewangan ASAS tidak normal dan mencurigakan serta dokumen dan rekod-rekod adalah tidak kemas dan lengkap. Oleh itu, pada 2 Sept 2018, mesyuarat telah melulus dan melantik Jawatankuasa Audit Kewangan bagi menjalankan siasatan audit kewangan ASAS. Hasil audit awal yang telah dijalankan pada Sept - Okt 2018, mendapati bahawa sebanyak RM 327,670.83 telah disyaki diseleweng oleh sdr Razzi dan pada sesi temubual siasatan audit dalam pada 19 Okt 2018, beliau telah mengaku bersalah menyeleweng dana ASAS sebanyak jumlah tersebut. Oleh itu, tindakan menggantung tugas terhadap sdr Razzi telah diambil pada 22 Okt 2018 dan beliau telah berhenti dari berkhidmat sebagai setiausaha kerja ASAS.

Namun, selepas pengakuan tersebut, pihak Jawatankuasa Audit telah menjalankan audit yang lebih terperinci dan telah menjumpai beberapa transaksi yang mencurigakan dan disyaki turut diseleweng oleh sdr Razzi berjumlah RM 87,449.71. Jumlah tersebut juga telah didebitkan ke dalam akaun sdr Razzi yang menjadikan jumlah keberhutangan kepada RM 415,120.54. Memandangkan ketiadaan bukti sahih dan pengakuan daripada sdr Razzi, pihak AJK tidak dapat mengambil tindakan lanjut mengenai jumlah tambahan tersebut.

Melalui bukti dan pengakuan dari sdr Razzi, ASAS telah membuat tuntutan awal di makhkamah (Kes BA A52-147-10/2019) dengan jumlah bernilai RM 327,670.83 sebelum menjumpai jumlah tambahan tersebut. Ini menyebabkan jumlah tambahan tersebut tidak dapat dituntut dan ia juga tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk disabitkan dengan kes penyelewengan.

Oleh itu, Jawatankuasa Kerja ASAS dalam mesyuaratnya pada 4 Julai 2020 telah bersetuju untuk membuat peruntukan dan melupuskan hutang ragu berjumlah RM 87,449.71 yang telah didebitkan ke dalam akaun penghutang, sdr Razzi Shahrizan Bin Rosli. Ia merupakan sebahagian daripada sejumlah RM 415,120.54 dana persatuan yang disyaki diselewengkan oleh sdr Razzi.

**Usul bagi membuat peruntukkan dan melupuskan hutang ragu sebanyak RM87,449.71 dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat.**

**AGENDA 6**

**PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)**
**Pejabat ASAS, No 22A (Tingkat 1), Jalan P8G1, Presint 8, 62250 Putrajaya**

Rujukan :
Tarikh :

Yang Berkenaan,

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

**Perlantikan sebagai Pemegang Amanah untuk Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS)**

Kami merujuk kepada perkara di atas berhubung dengan Fasal 19 Perlembagaan ASAS.

Mengikut Fasal 19, ASAS hendaklah melantik empat orang dari ahli ASAS untuk menjadi Pemegang Amanah bagi semua pemilikan hartanah atau lain lain tabung amanah yang dimiliki ASAS. Ke empat-empat Pemegang Amanah inilah yang akan menguruskan harta tersebut mengikut cara yang diperintahkan dalam surat perlantikan ini.

***MUKADIMAH***

1) Bahawasanya ASAS kini melantik YBhg. Dato/Tuan sebagai Pemegang Amanah ("Pengamanah") bagi pihak ASAS untuk menggubal prosedur pengurusan dan jual beli hartanah atau mana-mana tabung amanah kepunyaan ASAS secara jujur dan amanah. Prosedur-prosedur ini akan digunapakai oleh Jawatankuasa ASAS dalam mengendalikan pengurusan harian harta-harta tersebut.
2) Pengamanah tidak berhak menjual, menggadai ataupun mencagar mana-mana hartanah milik ASAS selain dari meminta kebenaran Mesyuarat Agung ASAS.
3) Perjalanan amanah adalah tertakluk kepada satu laporan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung ASAS.
4) Setiap keputusan yang diambil oleh Pengamanah mestilah didahului dengan satu mesyuarat untuk membincangkan hal tersebut dimana tidak kurang dari 3 orang Pengamanah mesti hadir.
5) Undian akan dibuat untuk meluluskan apa-apa keputusan dari mesyuarat tersebut berdasarkan kepada sokongan majoriti.
6) Pengamanah diwajibkan mengadakan tidak kurang dari dua (2) mesyuarat dalam setahun untuk membincangkan hal ehwal pengurusan harta ASAS. Di dalam mesyuarat ini juga wakil dari Jawatankuasa ASAS perlu hadir untuk memberi taklimat kepada Pengamanah. Pengamanah boleh juga menjemput mana-mana ahli ASAS yang lain yang difikirkan perlu untuk menghadiri mesyuarat tersebut.
7) Minit setiap mesyuarat akan disediakan dan akan disemak dan diluluskan oleh setiap Pengamanah.

No 22A, Jalan P8G1, Presint 8, 62250 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

b/p Jawantakuasa Kerja ASAS
Ghazali Bujang
Presiden

---

Kami bersetuju untuk dilantik sebagai Pengamanah selaras dengan Fasal 19 Perlembagaan ASAS.

| **Pengamanah 1** | **Pengamanah 2** |
|---|---|
| **Pengamanah 3** | **Pengamanah 4** |

Surat perlantikan Pemegang Amanah bertarikh ……………………..